16

# Ustaz Taha di-pileh lagi ketua badan silat

22 JUN 1971

PERSATUAN Penchak Silat Singapura, telah melangsongkan meshuarat agong-nya bagi tahun ketiga, di-Madrasah Al-ma'arif, Ipoh Lane baharu2 ini.

Enche Abdullah bin Awang, Setiausaha Persatuan tersebut, mengumumkan ini hari ini.

Dia menerangkan bahawa Ustaz Taha Sunaimi telah di-pileh sa-mula menjadi yang di-Pertua persatuan tersebut dan Enche Juma'at Sidek menjadi naib yang di-pertua-nya.

Pegawai2 baharu yang lain, yang terpileh dalam meshuarat tersebut ada-lah saperti berikut:

Setiausaha yang Kehormat; Enche Abdullah Awang, penolong Setiausaha; Enche Kamsin Pamer, bendahari; Enche Salleh Ismail, Penolong bendahari; Enche A. Karim Maidin.

SINGAPURA, Isnin

Pegawai penerangan; Enche Abdullah Bunawi, penolong-nya; Enche Hassan Waryouni.

Sa-puloh orang ahli jawatankuasa yang terpileh itu ia-lah: Enche2 A. Rahim Tumin, A. Manap Maidin, Md. Kamal Hussain, Abdillah Said, A. Rahim Maidin, A. Salam Md. Salleh, Selamat Sasman, Md. Tahir Karim, Ayub Johari dan Mohamad Haroon.

Dua orang pemereksa kira2 yang terpileh itu ia-lah: Raja As'ari Haji Hamid dan Enche Anuar Madon. Enche Abu Bakar Maidin telah di-lantek menjadi pemereksa kira2 luar.

Ustaz Kamil Suhaimi telah di-pileh menjadi penasehat persatuan ter-but.

# PELAJAR2 WANITA BERBAKAT PENCHAK SILAT

23 JUN 1971

BATU PAHAT, Selasa.—Lima orang pelajar puteri Sekolah Menengah Tengku Mahmud Iskandar Parit Saidi, Senggarang, telah mendapat tepokan gemuroh di-Malam Kebudayaan sa-baik2 mereka menunjokan bagaimana bermain senjata yang sunggoh mengerikan.

Malam Kebudayaan itu di-adakan di-Dewan Jubili Intan di-sini anjoran Majlis Kebudayaan Batu Panat baru2 ini.

Kelima2 pelajar tersebut telah menunjokan kebolehan mereka bersama2 lima orang lagi rakan2-nya yang terdiri daripada belia2 Kampong Punggor Rengit di-bawah pimpinan Enche Suraji bin Pangat.

Tiga orang daripada pelajar2 puteri itu ia-lah penuntut Tingkatan Lima, Che Saamah binti Othman dan Che' Rutiah binti Subari dan Che' Sa'amah binti Muhayat.

Dua orang lagi ia-lah penuntut tingkatan tiga Che Misri Kambali dan Che' Masrah Juraimi.

# Ghazali di-lantek sa-bagai Panglima Silat

24 JUN 1971

SINGAPURA, Rabu.

SETIAUSAHA Parlemen kapada Kementerian Pelajaran, Enche Mohd. Ghazali Ismail, akan di-lantek sa-bagai Panglima Muda Kehormat Silat Seligi Kuningan — Seksi Seni Silat Persatuan Bawean Singapura.

Perlantekan tersebut akan di-buat dalam satu majlis rasmi tamat latehan anggota2 baru pasokan silat itu yang akan di-adakan pada 17 Julai, di-Buckley Road, dan bukan Farnhill Road sa-bagaimana yang di-beritakan.

## *Pakaian*

Beliau akan di-anugerahkan dengan selempang kuning keemasan dan tanjak serta sa-pasang pakaian rasmi dalam majlis tersebut yang di-duga akan di-sertai oleh lebeh 300 orang ahli2 penchak silat Singapura.

Majlis itu juga akan selingi dengan berbagai silat dalam Repablik ini termasok juga silat Jepun, Karate, silat Korea, Tae-Kwon Do dan Judo.

Enche Ghazali akan memereksa perbarisan kehormatan dari anggota2 pasokan seni silat itu sa-belum upachara rasmi perlantekan-nya sa-bagai Panglima Muda Kehormat Seligi Kuningan — sa-jenis silat champoran Melayu dan Indonesia—di-lakukan.